

#KitaSelangor



PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

BULETIN 2 / 2023



PEJABAT DAERAH DAN TANAH
SABAK BERNAM

A photograph of a grey rectangular sign mounted on a post. The sign features the coat of arms of Selangor at the top, followed by the text "PEJABAT DAERAH DAN TANAH" on the top line and "SABAK BERNAM" on the bottom line, all in black capital letters.

Jenis kes kecurian identiti yang biasa ditemui



1. Kecurian identiti kewangan

Jenis yang paling biasa di mana penjenayah menyamar sebagai orang yang dipercayai untuk mencuri maklumat peribadi untuk keuntungan kewangan.

Akibatnya termasuk:

- Penjenayah menggunakan maklumat kad kredit yang dicuri untuk membeli barang atau perkhidmatan.
- Penjenayah mencuri dana daripada bank mangsa.
- Penjenayah membuka akaun baharu dengan menggunakan maklumat peribadi yang dicuri

2. Kecurian identiti perubatan



Penjenayah menyamar sebagai orang yang dipercayai untuk mencuri Maklumat Pengenalan Peribadi (PII) untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Penjenayah menggunakan Maklumat Pengenalan Peribadi (PII) untuk:

- Menerima preskripsi ubat.
- Mendapatkan akses perkhidmatan perubatan.
- Mendapatkan peranti dan bekalan perubatan.

3. Menutup kegiatan jenayah menggunakan identiti yang dicuri.



Apabila penjenayah melakukan jenayah, mereka menggunakan identiti yang dicuri dan bukan identiti mereka sendiri.

Akibatnya termasuk:

- Mangsa dipanggil ke mahkamah.
- Waran dikeluarkan untuk penahanan mangsa.
- Pemeriksaan latar belakang mangsa dikeluarkan.

4. Kecurian identiti sintetik.



Penjenayah menggunakan Maklumat Pengenalan Peribadi (PII) yang dicuri daripada mangsa yang berbeza untuk menggabungkannya lalu mencipta profil rekaan yang baharu.

Jenayah termasuk:

- Permohonan untuk pinjaman, kad kredit, dll.
- Melakukan jenayah kewangan yang lain.



Sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa.

Adalah penting untuk setiap individu melindungi Maklumat Pengenalan Peribadi (PII) dan mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengurangkan potensi kerosakan daripada kecurian identiti jika maklumat itu didedahkan secara tidak sengaja atau sengaja dicuri.

Sumber: - 5 common types of identity theft | McAfee

- Types of identify Theft | Equifax

- Common Types of identity Theft You Need to Know | Verizon





PROGRAM DAN AKTIVITI

2
0
2
3



[https://www.selangor.gov.my/
sabakbernam.php](https://www.selangor.gov.my/sabakbernam.php)



<https://twitter.com/pdtsbernam>



[https://facebook.com/pejabat
sabakbernam](https://facebook.com/pejabat
sabakbernam)

BULETIN 2/2023

2023

A D D I T I O N
A P R I L
A P R I L

2023

Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam bersama Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Daerah Sabak Bernam telah mengadakan Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2023/1444H bertempat di stesen Petronas Sungai Besar pada 18 April 2023 (Selasa). Program telah dihadiri oleh Tuan Amri bin Ismail dan Pegawai MKJR Daerah Sabak Bernam dengan memberi *goodies* dan risalah kempen keselamatan jalan raya serta minuman panas turut disediakan untuk orang awam yang singgah di stesen minyak tersebut untuk pulang ke kampung beraya.



KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2023/1444H





PROGRAM RANCANGAN TV PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI DAN RAKAMAN TAKBIR RAYA PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2023

Program Rancangan TV Perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Rakaman Takbir Raya Peringkat Negeri Selangor Tahun 2023 diadakan di Parit 9 Sekinchan, Sabak Bernam pada 02 April 2023 (Ahad). Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor Tuan Amirudin Bin Shari bersama EXCO Selangor serta beberapa pemimpin Kerajaan Negeri turut sama menjayakan rakaman Rancangan TV Perayaan Hari Raya Aidilfitri tersebut. Sementara itu, rakaman takbir raya peringkat Negeri Selangor Tahun 2023 telah diketuai oleh Imam Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS), Sheikh Abdul Karim Omar Al-Fatani Al-Makki.





MAJLIS PERASMIAN MASJID DAN MAJLIS BERBUKA PUASA (IHYA' RAMADHAN) D.Y.M.M SULTAN SELANGOR



Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj telah berkenan mencemar duli bagi merasmikan Masjid Al-Maarufiah di Parit Baru Sabak Bernam dan berbuka puasa bersama rakyat serta menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada fakir miskin, pada 14 April 2023 (Jumaat).



2023



2023

PROGRAM REWANG SEKAMPUNG, PERASMIAN SMART DESA & JELAJAH KITA SELANGOR AIDILFITRI 2023



Rumah Terbuka

Jelajah #KitaSelangor Aidilfitri

1444H / 2023M



DAERAH SABAK BERNAM



Jumaat | 12 Mei 2023
8:00 malam - 11:00 malam



Dataran Tanah Lesen,
Parit Baru

[f Amirudin Shari](#) [@amirudin_shari](#) [@AmirudinShari](#) [amirudinshari](#) [amirudinshari.com](#) [#SelangorMajuBersama #KitaSelangor](#)

www.selangor.gov.my

PROGRAM REWANG SEKAMPUNG



Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam menganjurkan Program Rewang Sekampung di Dataran Tanah Lesen Parit Baru yang turut dihadiri Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor Tuan Amirudin Bin Shari, pada 12 Mei 2023 (Jumaat). Program ini bertujuan untuk mengeratkan kesejahteraan dan keharmonian masyarakat.






PERASMIAN PUSAT SMART DESA


Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor Tuan Amirudin Bin Shari telah merasmikan Pusat Smart Desa di Balai raya Kampung Sungai Air Tawar, Sabak Bernam pada 12 Mei 2023 (Jumaat) jam 4.00 petang. Pusat Smart Desa ditakrifkan sebagai pembangunan desa secara bijak dengan mengambil berat terhadap pengurusan sumberjaya terkawal dan pembangunan ekonomi yang terancang untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat desa.



JELAJAH KITA SELANGOR AIDILFITRI 2023



Jelajah Kita Selangor Aidilfitri 2023 telah berlangsung di Dataran Tanah Lesen Parit Baru pada 12 Mei 2023 (Jumaat). Program dihadiri oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor Tuan Amirudin Bin Shari. Program ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran kepimpinan Kerajaan Negeri, pelbagai agensi Kerajaan dan orang awam.



MAJLIS JALINAN AIDILFITRI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM 2023



Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam menganjurkan Majlis Jalinan Aidilfitri 2023 di Rumah Pegawai Daerah Sabak Bernam pada 19 Mei 2023 (Jumaat). Majlis turut dihadiri oleh semua kakitangan bersama keluarga dan Ketua-ketua Jabatan Daerah Sabak Bernam dan orang awam sekitarnya.



JUN

2023

PROGRAM SEMBANG SANTAI INTEGRITI PDTSB BERSAMA UNIT INTEGRITI PEJABAT SUK SELANGOR



Unit Integriti PDTSB menganjurkan Program Sembang Santai Integriti bersama Unit Integriti Pejabat SUK Selangor bertempat di Bilik Bunga Raya pada tarikh 14 Jun 2023 (Rabu). Ceramah Program bertemakan nilai-nilai integriti telah disampaikan oleh Encik Muhammad Mu'adz bin Kamsani, Penolong Pegawai Tadbir, Unit Integriti Pejabat SUK Selangor dan dihadiri oleh Pegawai dan kakitangan PDTSB.



BENGKEL KESEDARAN (AWARENESS) DAN AUDIT DALAM SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) - STANDARD ISO 9001:2015 PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM




Bengkel Kesedaran (Awareness) dan Audit dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) - Standard ISO 9001:2015 PDTSB dilaksanakan di Institut Perakaunan Negara (IPN), Sungai Lang, Sabak Bernam pada 13 hingga 15 Jun 2023 (Selasa hingga Khamis). Ceramah bengkel tersebut disampaikan oleh Puan Mariam Binti Mohamed Zain dari MMZ Training and Consultancy dan dihadiri oleh Pegawai dan kakitangan PDTSB yang terlibat.



TAKLIMAT PETUGAS PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI SELANGOR KE-15 BAGI N.03 SUNGAI PANJANG DAN N.04 SEKINCHAN

Taklimat Petugas Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Selangor Ke-15 bagi N.03 Sungai Panjang dan N.04 Sekinchan telah diadakan di Dewan Seri Bernam Sungai Besar pada 21 dan 22 Jun 2023 (Rabu dan Khamis). Taklimat petugas disampaikan oleh SPR Negeri Perlis dan dihadiri oleh semua petugas-petugas yang terlibat.



JUTAAN TERIMA KASIH

TUAN AMRI BIN ISMAIL
ENCIK NAZRIN IZWAN BIN MOHD NOH
ENCIK ZAIN AZMI BIN MOHD NOR
ENCIK MUHAMAD FARHAN BIN IBRAHIM
ENCIK ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM
TUAN MOHAMMAD SUHAIMI BIN TUAN PA
ENCIK MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD
PUAN NOR AZIAH BINTI ISMAIL
ENCIK SARIFUDIN BIN MOKHTAR
ENCIK FADZIL HANAFI BIN MOHAMAD
UNIT ICT

DAN SEMUA INDIVIDU DAN PIHAK YANG TERLIBAT
SECARA LANGSUNG ATAU
TIDAK LANGSUNG DALAM
MENJAYAKAN BULETIN PDTSB BIL. 02/2023
(APRIL HINGGA JUN 2023)